

2.10.2024  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **BANJIR BALING DI KEDAH 1.10.2024: PBAPP AMBIL TINDAKAN UNTUK ELAK ISU BEKALAN AIR DI PULAU PINANG**

- **Banjir di Baling menyebabkan air mentah dari Sungai Muda menjadi keruh.**
- **PBAPP melepaskan air dari Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan untuk “mencairkan” air mentah yang memasuki Loji Rawatan Air Sungai Dua.**

PULAU PINANG, Rabu, 2.10.2024: Sehingga pukul 1.00 pagi hari ini, PBAPP telah mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) di Pulau Pinang yang berpunca daripada banjir yang dilaporkan berlaku di Baling, Kedah, pada 1 Oktober 2024.

Banjir di Baling semalam telah menghanyutkan serpihan dan sisa ke dalam Sungai Muda, menyebabkan air sungai menjadi keruh daripada biasa di muka sauk Lahar Tiang milik PBAPP di Seberang Perai, Pulau Pinang. Pada pukul 5.00 petang semalam, tahap kekeruhan air sungai mencatatkan 400 NTU (unit kekeruhan nefelometrik) di Lahar Tiang. Tahap kekeruhan biasa ialah 200 NTU.

Sungai Muda merupakan sumber air mentah utama bagi Pulau Pinang. PBAPP mengepam air dari sungai ini setiap hari ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, loji rawatan air terbesar dan paling penting di Pulau Pinang.

Berikutan laporan berita banjir kilat di Baling semalam dan mesej amaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), PBAPP mengaktifkan pelan tindak balas kecemasan (ERP) bagi Sungai Muda:

<b>ERP PBAPP: Banjir Baling (Kedah) 1.10.2024</b>	
<b>Masa dan Tarikh</b>	<b>Tindakan dan laporan</b>
8 pagi, 1.10.2024	Bermulanya pemantauan setiap jam bagi tahap kekeruhan air mentah Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang (Pulau Pinang) dan Kuala Ketil (24km hulu di Kedah).
3.00 petang - 6.00 petang, 1.10.2024	Melepaskan air mentah dari 72JLH – 240 JLH dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD). Objektifnya adalah untuk “mencairkan” kekeruhan air mentah di lokasi kemasukan ke LRA Sungai Dua (kolam pengimbang).

5.00petang, 1.10.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekeruhan air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang mencecah 400 NTU.</li> <li>• Tiada isu utama di LRA Sungai Dua. Ia masih mampu menghasilkan air terawat pada kapasiti optimum.</li> </ul>
2.00pagi, 2.10.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekeruhan air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang mencecah 500 NTU.</li> </ul>
8.00pagi, 2.10.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekeruhan air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang mencecah 600 NTU</li> </ul>
10.00pagi, 2.10.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekeruhan air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang mencecah 700 NTU</li> </ul>

### **Pengajaran yang diperolehi daripada kejadian sebelum ini**

Pada 6.7.2022, insiden banjir Baling sebelum ini menyebabkan kekeruhan air Sungai Muda mencecah sehingga 3,000 NTU di Lahar Tiang. Kejadian itu memaksa PBAPP mengurangkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda, yang seterusnya menyebabkan pengeluaran air terawat di Sungai Dua menurun. Air terawat yang tidak mencukupi dari LRA Sungai Dua membawa kepada UWSI di Pulau Pinang yang menjejaskan kira-kira 465,000 pengguna air.

Sebagai perbandingan, tiada UWSI hari ini, 24 jam selepas banjir Baling 1.10.2024 dilaporkan.

Namun begitu, PBAPP akan terus melaksanakan ERP untuk 48 jam akan datang sebagai "langkah keselamatan", sekiranya berlaku lonjakan mendadak yang tidak diduga dalam kekeruhan air mentah dari Sungai Muda.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)